

**Oleh Presiden
Henry B. Eyring**
Penasihat Pertama di
dalam Presidensi Utama



Dia Sudah Bangkit

Kesaksian tentang kenyataan Kebangkitan Yesus Kristus ialah satu sumber harapan dan keazaman. Dan ini boleh berlaku kepada setiap anak Tuhan. Ini berlaku kepada saya pada satu hari pada musim panas Jun 1969 bila ibu saya meninggal dunia, semenjak itu, dan sehingga saya jumpa dia lagi.

Kedukaan dari pemisahan sementara diganti oleh kegembiraan dengan serta merta. Ia adalah lebih dari satu harapan demi satu penyatuan semula yang riang. Kerana Tuhan sudah mewayuhkan banyak perkara melalui para nabi-Nya dan sebab Roh Kudus sudah menetapkan kebenaran tentang Kebangkitan kepada saya, saya dapat melihat dalam minda saya masa kita bertemu lagi dengan orang-orang terkasih kita yang sudah disucikan dan dibangkitkan:

“Inilah mereka yang akan tampil dalam kebangkitan orang soleh. . . .

“Inilah mereka yang namanya tertulis di dalam syurga, di mana Tuhan dan Kristus adalah hakim atas semua orang.

“Inilah mereka yang adalah orang soleh yang dijadikan sempurna melalui Yesus perantara perjanjian baru, yang mendatangkan pendamaian yang sempurna ini melalui penumpahan darah-Nya sendiri” (A&P 76:65, 68–69).

Kerana Yesus Kristus sudah mengatasi kematian, semua anak Bapa Syurgawi yang dilahir ke dunia ini

akan dibangkitkan dalam satu tubuh badan yang tidak akan mati. Jadi, kesaksian kita tentang kebenaran yang sungguh baik ini boleh menyingkirkan kedukaan yang datang dari kematian ahli keluarga atau rakan dan ganti dengan harapan yang gembira dan keazaman yang kukuh.

Tuhan sudah berikan kita kurnia kebangkitan, di mana roh kita diletakkan dalam tubuh badan yang bebas dari ketidaksempurnaan fizikal (lihat Alma 11:42–44). Ibu saya akan menjadi muda dan wajahnya berseri, dan kesan tua dan penderitaan fizikal yang bertahun-tahun akan disingkirkan. Itu akan berlaku kepada dia dan kita sebagai satu kurnia.

Tetapi kami yang ingin bersama dia buat selamanya mesti buat pilihan yang melayakkan diri demi perhubungan itu, untuk hidup di mana Bapa dan Putera-Nya yang sudah bangkit akan tinggal dalam kemuliaan. Hanya di situ kehidupan keluarga dapat diteruskan selamanya. Satu kesaksian tentang kebenaran itu meningkatkan keazaman saya untuk melayakkan diri dan orang yang saya kasihi demi darjah tertinggi dalam kerajaan selestial melalui Penebusan Yesus Kristus dalam hidup kita (lihat A&P 76:70).

Tuhan berikan kita satu bimbingan dalam pencarian demi kehidupan abadi dalam doa-doa sakramen yang menolong saya dan juga boleh menolong anda. Kita dijemput untuk memperbaharukan perjanjian pembaptisan dalam setiap pertemuan sakramen.

Kita berjanji untuk selalu mengingati Juruselamat. Lambang-lambang pengorbanan-Nya menolong kita untuk menghargai magnitud kesakitan yang sudah Dia menderitakan untuk mengatasi kematian, untuk memberikan kita belas kasihan, dan keampunan untuk semua dosa kita jika kita bertaubat.

Kita berjanji untuk mematuhi perintah-perintah-Nya. Mengaji kitab suci dan firman para nabi hidup dan mendengar para pengucap yang diilham dalam pertemuan sakramen kita memperingatkan kita tentang perjanjian kita untuk berbuat demikian. Roh Kudus bawakan kepada minda dan hati kita perintah-perintah yang harus kita patuhi hari itu.

Dalam doa-doa sakramen, Tuhan berjanji untuk menghantarkan Roh Kudus untuk bersama kita (lihat Moroni 4:3; 5:2; A&P 20:77, 79). Saya mendapati bahawa Tuhan boleh berikan saya sesuatu yang merupakan temuduga peribadi. Dia bawa ke perhatian saya perkara yang sudah saya lakukan yang menggembirakan Dia, keperluan saya untuk bertaubat dan mengampun, dan nama-nama dan wajah-wajah orang yang Dia ingin saya layan bagi pihak-Nya.

Selepas banyak tahun, pengalaman-pengalaman yang sudah menukarkan harapan kepada perasaan ihsan dan sudah mendatangkan satu kepastian bahawa belas kasihan sudah diberikan kepada saya oleh Penebusan dan Kebangkitan Juruselamat.

Saya bersaksi bahawa Yesus ialah Kristus yang sudah bangkit, Juruselamat kita, dan teladan sempurna dan bimbingan kita demi kehidupan abadi.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Kita harus “mempersamakan segala tulisan suci dengan kami, agar itu boleh untuk keuntungan dan pembelajaran kami” (1 Nefi 19:23). Bertimbang untuk membaca doa-doa sakramen, yang boleh didapati dalam Ajaran dan Perjanjian 20:76–79. Selepas membaca pengajaran Presiden Eyring tentang doa-doa sakramen, anda mungkin hendak menjemput mereka yang anda ajar untuk memikirkan cara-cara doa-doa ini boleh membimbing hidup mereka dan menolong mereka untuk kembali sekali kepada Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus.

REMAJA

Temuduga Peribadi Anda dengan Tuhan

Presiden Eyring mengajar bahawa bila kita mendengar doa-doa sakramen, kita boleh berasa macam kita sedang bertemuduga dengan Tuhan. Presiden Eyring memikirkan tiga perkara berikut. Bertimbang untuk menuliskan soalan-soalan ini dalam jurnal anda dan merenungkan perkara-perkara ini setiap hari Ahad bulan ini. Bila anda merenung dan menerima impresi dari Roh Kudus, anda boleh mencatatkan perkara itu dalam jurnal anda.

- Apakah yang sudah saya lakukan yang menggembirakan Tuhan?
- Apakah yang harus saya bertaubat dan memohon keampunan tentang?
- Siapakah yang Tuhan ingin saya layani?



Perjanjian-perjanjian Bait Suci

Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri. Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Tatacara-tatacara penyelamatan yang diterima dalam bait suci yang membenarkan kita untuk kembali kepada Bapa Syurgawi dalam perhubungan keluarga abadi dan untuk dianugerahi dengan berkat-berkat dan kuasa dari syurga adalah berkelayakkan segala pengorbanan dan usaha,¹ kata Presiden Thomas S. Monson. Jika anda belum pergi ke bait suci, anda boleh berse-dia untuk menerima tatacara-tatacara bait suci dengan:

- Percaya kepada Bapa Syurgawi, Yesus Kristus, dan Roh Kudus.
- Memupuk satu kesaksian tentang Penebusan Yesus Kristus dan injil yang sudah dipulihkan.
- Mendukung dan mengikut nabi hidup.
- Berlayak demi surat rekomen bait suci dengan membayar persepuluhan, menjadi suci secara moral, jujur, mematuhi Kata-kata Bijaksana, dan hidup selaras dengan ajaran-ajaran Gereja.
- Sumbangkan masa, bakat, dan harta untuk menolong membina kerajaan Tuhan.
- Mengambil bahagian dalam kerja sejarah keluarga.²

Presiden Monson terus mengajar, “Bila kita mengingat perjanjian-perjanjian yang sudah kita buat dalam [bait suci], kita akan lebih berkuasa untuk menanggung setiap cubaan dan mengatasi setiap godaan.”³

Dari Tulisan Suci

Ajaran dan Perjanjian 14:7; 25:13; 109:22

Dari Sejarah Kita

“Lebih dari 5,000 Orang Suci berkumpul di Bait Suci Navoo selepas dedikasinya. . . .

“Kekuatan, kuasa, dan berkat perjanjian-perjanjian bait suci [menyokong] Orang-orang Suci Zaman Akhir semasa perjalanan mereka ke [barat], bila mereka [menderita] kesejukan, kepanasan, kelaparan, kemiskinan, kesakitan, kemalangan, dan kematian.”⁴

Seperti banyak saudari Lembaga Pertolongan, Sarah Rich berlayar sebagai seorang pekerja bait suci. Dia berucap tentang pengalamannya: “Jika tanpa iman dan pengetahuan yang dikurnia kami dalam bait suci oleh . . . Roh Tuhan, perjalanan kami akan menjadi seperti bergerak

dalam kegelapan . . . Tetapi kami beriman kepada Bapa Syurgawi kami, . . . berasa bahawa kami orang terpilih-Nya . . . , dan sebaliknya dari berasa dukacita, kami beriang bahawa hari pembebasan kami sudah sampai.”⁵

Penghijrahan itu bukan “bergerak dalam kegelapan” untuk para wanita Orang Suci Zaman akhir yang beriman. Mereka disokong oleh perjanjian-perjanjian bait suci mereka.

NOTA

1. Thomas S. Monson, “The Holy Temple—a Beacon to the World,” *Liahona*, Mei 2011, 92.
2. Lihat *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 21.
3. Thomas S. Monson, *Liahona*, Mei 2011, 93.
4. *Daughters in My Kingdom* 29–30.
5. Sarah Rich, dalam *Daughters in My Kingdom*, 30.

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

1. Adakan saya selalu bersembah dalam bait suci?
2. Adakah saya menggalak para saudari saya untuk menerima berkat-berkat bait suci?

© 2013 oleh Intellectual Reserve, Inc. Hak cipta terpelihara. Dicitak di Amerika Syarikat. Kelulusan Bahasa Inggeris: 6/12. Kelulusan penterjemahan: 6/12. Penterjemahan *Visiting Teaching Message*, April 2013. Malay. 10664 348